

Bukit Malut: Dr. M setuju kerjasama

ALOR SETAR: Tun Dr. Mahathir Mohamad bersetuju untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu penempatan haram melibatkan golongan Melayu Islam Kedah di Bukit Malut, Langkawi yang berlarutan sejak sekian lama.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, selaku individu yang terlibat dengan penempatan golongan berkenaan di kawasan tersebut, penglibatan bekas Perdana Menteri itu amat penting terutama dalam menerangkan mengenai aspek sejarah.

Justeru, katanya, Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu segera memainkan peranan mereka dalam memastikan isu tersebut dapat diselesaikan secepat mungkin.

“Dalam pertemuan baru-baru ini, saya minta sokongan beliau terhadap cadangan kerajaan negeri untuk MKN ambil alih sebahagian tanah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Bukit Malut bagi dijadikan penempatan baharu buat penduduk yang tinggal di penempatan haram. Beliau setuju dengan



ISU petempatan haram penduduk di Bukit Malut, Langkawi dijangka mampu diselesaikan dalam masa terdekat antara kerajaan Kedah dan Majlis Keselamatan Negara dengan kerjasama Dr. Mahathir Mohamad.

cadangan itu dan sudi beri kerjasama penuh.

“Beliau antara pencetus yang membawa penduduk ke situ dan kalau tak tanya Tun Mahathir, tak ada orang yang boleh cerita sejarah panjang mengenai Bukit Malut. Cumanya untuk ambil alih tanah LKIM itu tak boleh mahal-mahal kerana rumah yang nak dibina mestilah pada kadar berpatutan agar mampu

dibeli golongan berkenaan supaya penempatan haram dapat dihapuskan.

“Disebabkan itu projek MKN, maka tidak sepatutnya kerajaan negeri keluarkan duit untuk bina penempatan baharu. MKN perlu mainkan peranan dengan buat pengambilalihan tanah, minta pemaju buat rumah dan golongan ini boleh beli dengan kadar tak terlalu mahal kerana

tanah itu sudah jadi milik MKN,” katanya selepas merasmikan Majlis Penyerahan Geran Hak Milik Tanah Bagi Daerah Kota Setar serta Pelancaran ‘Kedah Cashless’ di sini, semalam.

Berdasarkan gambar dimuat naik Muhammad Sanusi dalam laman Facebooknya, pertemuan beliau bersama Dr. Mahathir berlangsung pada 13 Februari lalu.